

16 APR 2002

Mahathir-Islam

DR MAHATHIR GESA UMAT ISLAM BERUSAHA KERAS SUPAYA DIHORMATI DUNIA

Oleh: Khairdzir Yunus dan Mohd Arshi Daud

RABAT, MAGHRIBI, 16 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam mempunyai kemampuan untuk membangun dan melengkapkan diri dengan mempunyai pelbagai sumber supaya mereka dihormati oleh dunia untuk mengubah imej Islam demi kebaikan.

Perdana Menteri berkata Allah telah memberikan mereka kekayaan yang melimpah dan apa yang mereka perlu mereka lakukan ialah menggunakan kekayaan itu secara bijak dan cermat.

"Hanya apabila kita telah berusaha, baru kita boleh mengharap kejayaan melalui pertolongan Tuhan," kata beliau pada pertemuan kalangan intelektual, kalangan cerdik pandai dan anggota parlimen Maghribi pada mesyuarat dan sesi dialog di Kementerian Hal Ehwal Luar dan Kerjasama di sini pada Selasa.

Dr Mahathir berkata imej Islam sekarang adalah jauh berbeza dengan imej Islam semasa zaman Nabi Muhammad S.A.W.

"Walaupun terdapat 1.3 bilion umat Islam di dunia, kita tidak dapat berbuat apa-apa untuk kebaikan kita semua.

"Kita hidup atas belas kasihan orang lain. Jika mereka mahu, mereka boleh memusnahkan kita dengan bom nuklear yang mereka miliki," kata beliau.

Beliau berkata ada juga khabar angin menyatakan memusnahkan Makkah dan Madinah dengan bom nuklear ialah satu daripada opsi yang difikirkan oleh sesetengah pihak selepas insiden serangan 11 Sept.

Dalam ucapan yang mengandungi kata-kata sinis dan kritikan terhadap umat Islam yang tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai "hasanah (kebaikan) di dunia menyebabkan mereka berada dalam keadaan yang sengsara sekarang, Perdana Menteri berkata: "Allah mahukan kita mewujudkan keseimbangan antara dunia dan akhirat."

Mesyuarat dan sesi dialog itu diadakan sempena lawatan Dr Mahathir selama empat hari ke Maghribi yang bermula Isnin bagi meningkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan.

Beliau berkata umat Islam sebaliknya meninggalkan dunia dan menyerahkan kepentingan dunia kepada bukan Islam dan hanya berusaha untuk akhirat sambil berkata ajaran Islam tidak menyuruh mereka berbuat demikian.

Dr Mahathir berkata masyarakat Islam di seluruh dunia memandang berat mengenai imej buruk Islam, kelemahan umat Islam dan penindasan oleh pihak lain ke atas mereka.

Beliau berkata nasib rakyat Palestin adalah contoh mengenai ketidakupayaan umat Islam sejak zaman kegemilangan tamadun Islam.

"Hari ini, umat Islam dengan mudah boleh ditindas oleh sesiapa jua. Dan negara-negara Islam tidak dapat berbuat apa-apa untuk membantu kecuali sekadar merayu kepada seluruh dunia, dunia bukan Islam untuk campurtangan dan menamatkan penderitaan yang dialami oleh saudara-saudara Islam.

"Dan kita tahu betapa rayuan seperti itu tidak berkesan," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, justru itu, kebanyakan umat Islam mengalah kepada nasib kerana tidak ada apa-apa yang boleh mereka lakukan.

"Sesetengah pula untuk menyedapkan percaya bahawa mereka akan memperolehi kehidupan yang lebih baik selepas ini. Kita percaya bahawa dalam kehidupan, dunia ini ialah untuk orang kafir. Mereka boleh hidup senang sekarang kerana mereka akan dimasukkan ke Neraka selepas mati. Dan kita berpuas hati dengan keadaan sekarang dan tidak berbuat apa-apa untuk memperbaiki keadaan kita," kata beliau.

Dr Mahathir berkata ada juga mereka yang kecewa dan marah dan mahu mengambil tindakan secara membuta-tuli ke atas pihak-pihak yang menyebabkan penderitaan mereka tanpa mengambil kira tindak balasnya terhadap masyarakat Islam dan betapa usaha itu tidak berhasil.

"Yang penting bagi mereka ialah mereka dapat meluahkan kemarahan mereka. Mereka percaya bahawa mereka melancarkan perang suci atau Jihad. Mereka percaya bahawa mereka akan syahid sama ada mencapai sesuatu atau tidak.

Beliau berkata Islam menghargai keberanian mereka tetapi apa yang mereka lakukan tidak membantu Islam atau umatnya, apatah lagi memperbaiki imej Islam.

Sebenarnya, mereka mencapai sebaliknya, kata beliau.

Perdana Menteri bertindak secara membuta-tuli kerana marah tidak akan dapat mengembalikan kegemilangan tamadun Islam atau pengaruh Islam.

Beliau berkata ia juga tidak akan mencapai matlamat untuk menghukum pihak musuh dan juga tidak mencerminkan keIslaman.

Beliau berkata sebab itulah umat Islam perlu merenung masa silam untuk bimbingan, mengimbas sejarah kelahiran Islam dan masyarakat Islam serta penubuhan empayar Islam.

"Kita perlu merenung dan mengkaji perjuangan Rasulullah sendiri. Nabi Muhammad S.A.W sebagai utusan Allah adalah pemimpin yang berkaliber dan pembawa pembaharuan dalam sejarah manusia dan baginda boleh menjadi contoh bagi kita semua. Ia bukan semata-mata kerana pegangan kita tetapi adalah contoh bagi kita," kata beliau.

Dr Mahathir juga membidas umat Islam kerana berpecah, gagal mencapai kesepakatan dan bertelagah antara satu sama lain sedangkan mereka harus bersatu sebagai saudara dalam Islam.

"Setiap kali cadangan dikemukakan bagi menyelesaikan sesuatu masalah, kita tidak dapat bersetuju secara sebulat suara terhadap cadangan itu, Dan jika kita membuat cadangan balas, yang lain juga tidak akan bersetuju, Kita terus berpecah dan tidak mencapai perpaduan atas persaudaraan Islam.

"Hakikatnya, apa kita menggelarkan diri kita persaudaraan Islam, yang pertama kita lakukan sebaliknya ialah mengkritik orang Islam yang lain dan ada pula yang sanggup membunuh," kata beliau.

"Kita tahu perkara pertama dilakukan oleh Rasulullah ialah menyatukan puak-puak Arab yang bersengketa melalui Islam, menjadikan mereka sebagai bersaudara dan memulakan penyebaran agama Islam dengan dibantu oleh puak-puak yang dahulu bertelagah.

"Kita semua tahu tentang perkara ini. Kita semua tahu tentang kandungan Al-Quran dan Hadis dan kita boleh mengutip petikannya pada bila-bila masa. Tetapi bolehkah kita secara jujur menyatakan kita mengamalkan apa yang terkandung dalam Al-Quran dan Hadis?" kata Dr Mahathir.

Beliau berkata umat Islam dahulu adalah terdiri daripada tokoh sarjana, saintis, ahli matematik dan doktor tetapi malangnya umat Islam sekarang langsung tidak mempelajari dan mendalami Islam.

"Apa yang disuruh kepada kita untuk melaksanakan sering diabaikan. Contohnya adalah menjadi kewajipan umat Islam untuk bersedia bagi mempertahankan ummah. Kita sepatutnya memberi tumpuan kepada bidang itu dan tetapi sebaliknya kita memikirkan untuk memelihara kuda sebagai sunnah Nabi.

"Justru, kita tidak mempelajari sains dan kemahiran untuk membuat senjata moden. Kita sekadar berpuas hati jika dapat membelinya secara second hand," kata beliau.

-- BERNAMA

KHY MAD FAZ